



الْأَبْوَسِيْفِيْ تِيْكَوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TADBIR URUS 1UITM:MULTISISTEM

PENGOPERASIAN KOLEJ PENGAJIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Edisi **2021**

EDARAN TERHAD

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Bahagian 1 : Pendahuluan

1.1 Pengenalan	7
1.2 Carta Organisasi (Asas) Kolej Pengajian	10
1.3 Carta Organisasi (Asas) Kolej Pengajian Kejuruteraan	12
1.4 Struktur Tadbir Urus (Asas) Kolej Pengajian	14
1.5 Struktur Tadbir Urus Kolej Pengajian	16

Bahagian 2 : Jawatan Pengurusan Kolej Pengajian dan Senarai Tugas Utama

Senarai Jawatan Pengurusan Kolej Pengajian	20
2.1 Penolong Naib Canselor	21
2.2 Dekan (Akademik dan Antarabangsa)	21
2.3 Dekan (Hal Ehwal Pelajar)	22
2.4 Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)	22
2.5 Dekan (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)	23
2.6 Ketua Pengajian	23
2.7 Ketua Pengajian Pasca Siswazah	24
2.8 Ketua Pentadbiran	24
2.9 Ketua Unit Kualiti dan Strategi	25
2.10 Ketua Kewangan	27

Bahagian 3 : Senarai Jawatankuasa

Senarai Jawatankuasa Tadbir Urus Pengoperasian Kolej Pengajian	32
3.1 Eksekutif	
i. Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK)	36
ii. Jawatankuasa Pelan Penggantian Pentadbir Akademik	44
3.2 Akademik	
i. Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian (JAKP)	50
ii. Jawatankuasa Akademik Pengajian Pasca Ijazah Kolej Pengajian	57
iii. Jawatankuasa Kurikulum Kolej Pengajian	63
iv. Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran Kolej Pengajian	68
v. Jawatankuasa Pentaksiran dan Penilaian Akademik Kolej Pengajian	74
vi. Jawatankuasa Pengurusan Jadual Waktu Kuliah	80
vii. Jawatankuasa Pengurusan Penilaian Akademik	84

PERKARA

MUKA SURAT

3.3	Pelajar	
i.	Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Pengajian	90
ii.	Jawatankuasa Tatatertib Pelajar (Akademik)	110
iii.	Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (diletak bawah Tadbir Urus Kewangan)	
3.4	Sumber Manusia	
i.	Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Kolej Pengajian	114
ii.	Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Kolej Pengajian	118
iii.	Jawatankuasa Temuduga Kakitangan Pengurusan & Profesional (Akademik)	122
3.5	Penyelidikan	
i.	Jawatankuasa Penyelidikan Kolej Pengajian	128
3.6	Kewangan	
i.	Jawatankuasa Teknikal dan Peralatan	138
ii.	Jawatankuasa Akaun Amanah/Tabung Amanah Kolej Pengajian	141
iii.	Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar	145
3.7	Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni	
i.	Jawatankuasa Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni	150
3.8	Kualiti	
i.	Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Kolej Pengajian	156
ii.	Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)	159
	Ahli Task Force Penstrukturan Semula Fakulti	164
	Kumpulan Penyedia Dokumen	168
	Penghargaan dan Terima Kasih	174

Bahagian 1

PENDAHULUAN



PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Tadbir urus merupakan rujukan utama dalam pengurusan dan pentadbiran di universiti supaya proses pembuatan keputusan dibuat secara telus dan berintegriti.

Tadbir Urus Kolej Pengajian disediakan bagi panduan pengurusan kolej untuk melaksanakan operasi yang berkaitan dengan pengurusan fakulti, hal ehwal akademik, pengurusan pelajar dan lain-lain.

Dokumen ini merupakan panduan yang menggariskan perkara berikut:

- a. Struktur tadbir urus kolej pengajian.
- b. Terma rujukan jawatankuasa yang akan beroperasi di kolej pengajian.


Dokumen ini merupakan deliverable bagi inisiatif utama: *Establishing A Superstructure Organisation Through The Merging Of Faculties, Based On Clusters (Strategic Thrust Value-Driven Performance, ST7: Agile Governance)* di dalam Pelan Strategik UiTM2025.

Penstrukturan Fakulti telah melalui peringkat jawatankuasa dan peringkat pembuatan keputusan seperti berikut:



SENARAI KOLEJ PENGAJIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Nama Kolej Pengajian		Tarikh Kuatkuasa/Dilaksanakan
1.	Kolej Pengajian Seni Kreatif	Ditangguhkan
2.	Kolej Pengajian Kejuruteraan	29 Mac 2021
3.	Kolej Pengajian	
4.	Kolej Pengajian	
5.	Kolej Pengajian	
6.	Kolej Pengajian	
7.	Kolej Pengajian	
8.	Kolej Pengajian	
9.	Kolej Pengajian	
10.	Kolej Pengajian	




CARTA ORGANISASI KOLEJ PENGAJIAN


Carta Organisasi (Asas) Kolej Pengajian

(Punca kuasa - Mesyuarat LPU Ke-176 pada 15 September 2020)






Carta Organisasi (asas) Kolej Pengajian KEJURUTERAAN
(Punca kuasa - Mesyuarat LPU Ke-176 pada 15 September 2020)




ng
selor
gajian)




Struktur Tadbir urus (Asas) Kolej Pengajian

(Punca kuasa - Mesyuarat LPU Ke-176 pada 15 September 2020)

JAWATANKUASA PERINGKAS






Struktur Tadbir urus Kolej Pengajian

(Punca kuasa - Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) BIL. 13/2021 pada 14 April 2021)

JAWATAN
PERINGKAT

Jawatankuasa



NKUASA
STRATGIK

Strategik

Induk berkaitan

Eksekutif

Operasi

PELAJAR

JK Pemilihan Majlis
Perwakilan PelajarJK Tatatertib Pelajar
(Akademik)

JARINGAN INDUSTRI

JK Jaringan Industri,
Komuniti & Alumni

PENYELIDIKAN

JK Penyelidikan

KUALITI

JK Perancangan dan
Maklumat StrategikJK Kajian Semula
Pengurusan (MKSP)

Bahagian 2

JAWATAN PENGURUSAN



SENARAI JAWATAN PENGURUSAN KOLEJ PENGAJIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. Penolong Naib Canselor
2. Dekan (Akademik dan Antarabangsa)
3. Dekan (Hal Ehwal Pelajar)
4. Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Dekan (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)
6. Ketua Pengajian
7. Ketua Pengajian Pasca Siswazah
8. Ketua Pentadbiran
9. Ketua Kewangan
10. Ketua Unit Kualiti dan Strategi

SENARAI SENARAI TUGAS UTAMA JAWATAN PENGURUSAN KOLEJ PENGAJIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. Penolong Naib Canselor

1. Bertanggungjawab memacu hala tuju Kolej berdasarkan asas penubuhan dan keperluan mendepani bidang-bidang yang ditawarkan.
2. Bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, kewangan, akademik dan pengantarabangsaan, hal ehwal Kolej, penyelidikan dan inovasi, jaringan industri, komuniti, dan alumni.
3. Menjalankan pengawasan am ke atas semua peraturan mengenai akademik, pentadbiran, kewangan, penyelidikan, kebajikan, dan tatatertib di Kolej.

2. Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

1. Merancang penawaran program akademik baharu dalam pelbagai dan merentasi bidang pengajian serta memantau dan meningkatkan kualiti penawaran program menerusi kajian semula program akademik
2. Merancang hala tuju strategik hal ehwal akademik dan pengantarabangsaan Kolej.
3. Memastikan dasar dan polisi berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di Kolej.
4. Merancang pengambilan pelajar tempatan dan antarabangsa menerusi strategi promosi yang berkesan.
5. Memantau proses pematuhan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

3. Dekan (Hal Ehwal Pelajar)

1. Merancang aktiviti pembangunan pelajar Kolej untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan kebolehan pelajar untuk bersaing di peringkat nasional dan global.
2. Memantau pengurusan aktiviti pelajar yang memberi impak kepada pengalaman pembelajaran pelajar dan komuniti yang terlibat.
3. Menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti pembangunan dan kebajikan pelajar Kolej mengikut dasar dan peraturan universiti.

4. Dekan (Penyelidikan dan Inovasi)

1. Merancang hala tuju penyelidikan kolej dan secara inter disiplin
2. Merancang, membangunkan strategi penyelidikan dan inovasi, serta mempergiatkan program penyelidikan Kolej dengan agensi kerajaan, swasta, dan antarabangsa
3. Mengukuhkan kerjasama Kolej dan pusat kecemerlangan Kolej dengan institusi dalam dan luar negara, agensi kerajaan, dan pihak industri bagi meningkatkan hasil penyelidikan.
4. Memantau dan memperkemas pengurusan aktiviti penerbitan ilmiah yang berkualiti tinggi.
5. Memantau, memperkemas, dan meningkatkan aktiviti di semua entiti kecemerlangan Kolej.
6. Meningkatkan impak keseluruhan penyelidikan melalui pengukuhan kerjasama dan perkongsian dengan Kolej lain serta universiti tempatan dan antarabangsa

5. Dekan (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)

1. Memastikan program yang dihasilkan menyokong bidang antara disiplin
2. Mempergiat dan menyelaraskan jalinan universiti dengan industri dan masyarakat dalam usaha memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pengembangan.
3. Mewujudkan kerjasama strategik universiti dengan industri dalam bidang konsultansi, pengkomersialan, keusahawanan, perkhidmatan teknikal, dan profesional.
4. Meningkatkan hubungan kerjasama yang berkesan dan konsisten dengan kerajaan tempatan, komuniti setempat, badan-badan profesional, dan industri untuk meningkatkan ketrampilan dan kebolehpasaran graduan.

6. Ketua Pengajian

1. Memantau pencapaian prestasi dan peningkatan reputasi Kolej
2. Menggerakkan aktiviti penyelidikan di sekolah untuk pengembangan bidang melalui penyelidikan pelbagai bidang dan merentasi bidang.
3. Menetapkan pakar bidang, kandungan kurikulum program dan kursus khususnya program dan kursus pelbagai dan merentasi bidang di semua peringkat pengajian
4. Memantau pengurusan dan pengendalian program-program akademik yang dijalankan mengikut keperluan badan profesional dan industri serta standard akreditasi.
5. Memastikan pembangunan dan penyampaian program akademik dalam dan antara sekolah dengan cekap dan berkesan.

7. Ketua Pengajian Pasca Siswazah

1. Merancang secara bersama dengan PNC dan Dekan Eksekutif (Akademik dan Antarabangsa) bagi pembangunan program pascaijazah baharu merentasi sekolah-sekolah.
2. Menetapkan keutamaan perancangan strategik Sekolah Pasca Siswazah selaras dengan penunjuk prestasi Bahagian Hal Ehwal Akademik dan halatuju universiti.
3. Membuat cadangan pembangunan program pascaijazah baharu untuk pertimbangan jawatankuasa akademik kolej dan jawatankuasa induk kurikulum universiti.
4. Memastikan kepatuhan sekolah, jabatan, program, dan pelajar terhadap semua dasar dan polisi akademik yang ditetapkan oleh universiti.
5. Memperuntukkan pembiayaan kepada sekolah untuk sokongan pelajar siswazah, termasuk penyediaan dana/geran/tabung penyelidikan yang sesuai.

8. Ketua Pentadbiran

- i. Tadbir Urus dan pentadbiran Kolej
 1. Memastikan tadbir urus kolej teratur dan mengikut pelaksanaan tadbir urus yang baik (memastikan tadbir urus peringkat operasi dilaksanakan sebagaimana pelaksanaan di dalam tadbir urus 1UiTM:Multisistem)
 2. Memastikan urusan pentadbiran kolej dilaksanakan dengan teratur bagi melancarkan fungsi sekolah/bahagian/unit
 3. Melaksanakan aktiviti keurusetiaan mesyuarat dan jawatankuasa peringkat kolej
 4. Menyediakan laporan dan data-data fakulti

5. Memantau pelaksanaan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kolej
6. Menyelaras sistem operasi kolej
- ii. Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
 1. Menyediakan perancangan keperluan sumber manusia (akademik dan sokongan)
 2. Menguruskan hal ehwal perkhidmatan staf (cuti, LNPT, pengesahan, kebajikan, keberadaan, kerja lebih masa, kaunseling dll)
 3. Merancang dan memantau pembangunan sumber manusia kolej (latihan, pembangunan kerjaya, kemajuan kerjaya, biasiswa, cuti belajar)
 4. Menguruskan hal ehwal kebajikan staf
- iii. Pengurusan Kewangan
 1. Menyediakan Anggaran Bajet Tahunan bagi memastikan kolej mendapat peruntukan kewangan yang mencukupi untuk melancarkan pelaksanaan fungsi yang ditetapkan (bersama Ketua Unit Kewangan)
- iv. Pengurusan Infrostruktur dan infrastruktur
 1. Mengurus dan memantau hal ehwal keperluan ruang dan bangunan
 2. Mengurus dan memantau penyelenggaraan peralatan ICT

9. Ketua Unit Kualiti dan Strategi

1. Bertanggungjawab untuk merangka, merancang dan mengurus pembangunan dan pelaksanaan objektif, polisi, prosedur dan sistem yang berkaitan dengan kualiti dan jaminan kualiti.

2. Membangunkan, melaksanakan, menyampaikan dan mengekalkan perancangan kualiti bagi memastikan pematuhan terhadap semua keperluan perundangan, piawaian dan peraturan.
3. Menyediakan perancangan tahunan aktiviti kualiti dan latihan.
4. Merancang, menyelaraskan dan memantau pergerakan/aktiviti/infrastruktur kualiti UiTM (seperti EKSA, KIK, Hari Kemuncak Inovasi, pelaksanaan dan penyelenggaraan SPK, Penilaian Kendiri, Audit, AKNC dan Kecemerlangan Operasi).
5. Mengukur pencapaian proses utama dan sistem sokongan pengurusan kualiti.
6. Menguruskan pencapaian analisis data dan penyediaan laporan penambahbaikan.
7. Menyediakan bajet tahunan bagi aktiviti kualiti.
8. Memupuk budaya kualiti di kolej
9. Mengemaskini maklumat berkaitan kualiti di semua peringkat dan menyampaikannya kepada staf kolej
10. Bertindak sebagai rujukan (*focal point*) bagi pelaksanaan kualiti
11. Merupakan perantara InQKA untuk menggerakkan aktiviti kualiti selaras dengan matlamat UiTM.
12. Menghadiri mesyuarat kualiti di peringkat UiTM.
13. Membantu InQKA melaksanakan semakan (*External Review*) di jabatan lain dan menyediakan laporan.
14. Mengurus dan mengambil bahagian dalam lawatan dan penilaian Pemeriksa Luar.

15. Menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Jaminan Kualiti mengikut terma rujukan yang ditetapkan oleh InQKA:

15.1 Menyelaras pelaksanaan aktiviti jaminan kualiti mengikut keperluan COPPA dan COPIA serta Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).

15.2 Mengurus dan melaksanakan Penilaian Kendiri secara berkala dengan mengambilkira isu-isu berkaitan Laporan Audit Kualiti/Penilaian Kendiri (Dalaman atau Luaran) atau maklum balas pihak berkepentingan dan mengesyorkan tindakan susulan.

15.3 Melaporkan hasil Penilaian Kendiri kepada pihak pengurusan dan staf.

15.4 Membantu staf dalam membuat persediaan menghadapi audit penilaian luaran.

15.5 Menyediakan buku log hasil Penilaian Kendiri serta cadangan penambahbaikan (jika berkaitan).

15.6 Melaksanakan analisis keseluruhan pelaksanaan jaminan kualiti UiTM.

15.7 Membantu InQKA dalam menyediakan Laporan Penilaian Kendiri serta kertas kerja cadangan penambahbaikan ke atas jaminan kualiti UiTM.

15.8 Menyelaras penyediaan laporan lawatan dan akreditasi dan mengenalpasti pelan tindakan untuk diserahkan kepada pihak pengurusan.

10. Ketua Kewangan

i. Pengurusan Belanjawan Dan Kawalan Peruntukan

1. Menyelaras proses penyediaan bajet tahunan PTJ.

2. Menyelaras proses agihan bajet tahunan.

3. Mengawal selia peruntukan PTJ supaya perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan.
 4. Meluluskan permohonan peruntukan dalam FAIS berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh Ketua PTJ
 5. Menyelaras proses permohonan pindahan peruntukan/peruntukan tambahan.
 6. Memantau prestasi perbelanjaan PTJ setiap bulan.
- ii. Pengurusan Perolehan
1. Menyediakan datar/log aset untuk kolej
 2. Meluluskan permohonan belian dalam FAIS dan Sistem Fineprocument Plus.
 3. Meluluskan Pesanan Tempatan/Pesanan Kerja bagi perolehan barang/perkhidmatan/kerja.
 4. Meluluskan penerimaan barang dan pengesahan kerja/perkhidmatan dalam FAIS.
 5. Membuat semakan ke atas dokumen-dokumen melalui Sebut Harga Rasmi/Tender sebelum dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Perolehan.
 6. Membuat pemantauan ke atas Pesanan Tempatan/Pesanan Kerja yang tertangguh.
- iii. Pengurusan Bayaran
1. Meluluskan baucer bayaran kepada pembekal/staf/pelajar.
 2. Menandatangani cek bayaran/IBG/pindahan telegrafik.

3. Membuat pengesahan penerimaan barang/perkhidmatan/kerja bagi perolehan yang diterima oleh Unit Kewangan Zon.
4. Menandatangani bil tuntutan yang dikeluarkan oleh pihak luar.
5. Membuat pemantauan ke atas
 - a. Laporan Prestasi Bayaran setiap bulan
 - b. Laporan Pendahuluan tertangguh setiap bulan
 - c. Laporan Pelarasan Penggunaan bahan api bagi Kereta Rasmi Jawatan setiap bulan
 - d. Laporan Siberhutang setiap bulan
 - e. Laporan Unjuran Perbelanjaan setiap 3 bulan
 - f. Laporan Peruntukan Suplimentari setiap penghujung tahun
 - g. Laporan Pemiutang setiap penghujung tahun
 - h. Laporan Pemeriksaan Mengejut Peti Wang Runcit PTJ, setiap 6 bulan sekali
 - i. Laporan Daftar Mesin Fotostat
- iv. Pengurusan Akaun
 1. Mengesahkan baucer jernal pelarasan/jernal pembetulan
 2. Menyelaras pertanyaan Audit dan jawapan yang disediakan oleh PTJ

Bahagian 3

SENARAI JAWATANKUASA

SENARAI JAWATANKUASA TADBIR URUS PENGOPERASIAN KOLEJ PENGAJIAN

EKSEKUTIF

1. Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK)
2. Jawatankuasa Pelan Penggantian Pentadbir Akademik

AKADEMIK

1. Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian (JAKP)
2. Jawatankuasa Akademik Pengajian Pasca Ijazah Kolej Pengajian
3. Jawatankuasa Kurikulum Kolej Pengajian
4. Jawatankuasa Pengajaran Dan Pembelajaran Kolej Pengajian
5. Jawatankuasa Pentaksiran Dan Penilaian Akademik Kolej Pengajian
6. Jawatankuasa Pengurusan Jadual Waktu Kuliah
7. Jawatankuasa Pengurusan Penilaian Akademik

PELAJAR

1. Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Pengajian
2. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar (Akademik)
3. Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (diletak bawah Tadbir Urus Kewangan)

SUMBER MANUSIA

1. Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Kolej Pengajian
2. Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Kolej Pengajian
3. Jawatankuasa Temuduga Kakitangan Pengurusan dan Profesional (Akademik)

PENYELIDIKAN

1. Jawatankuasa Penyelidikan Kolej Pengajian

KEWANGAN

1. Jawatankuasa Teknikal dan Peralatan
2. Jawatankuasa Akaun Amanah/Tabung Amanah (Am) Kolej Pengajian
3. Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar

JARINGAN INDUSTRI

1. Jawatankuasa Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni

KUALITI

1. Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Kolej Pengajian
2. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)

TADBIR URUS EKSEKUTIF

1. Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK)
2. Jawatankuasa Pelan Penggantian Pentadbir Akademik

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KOLEJ PENGAJIAN (JEKP)

1.0 Punca Kuasa

- 1.1 Undang-Undang Malaysia: Akta Institut Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- 1.2 Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 28/2020
- 1.3 Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-175 pada 15 September 2020
- 1.4 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) BIL. 13/2021 pada 14 April 2021 : Dokumen Tadbir Urus Pengoperasian Kolej Pengajian UiTM

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

2.1 Tarikh/Tahun Penubuhan

(tarikh kelulusan MEU: 2 September 2020)
(LPU Ke-175 pada 15 September 2020)

2.2 Tempoh Lantikan

Lantikan atas nama jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan/2 tahun

3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Penolong Naib Canselor

Ahli : Semua Dekan
: Ketua Pentadbiran
: Ketua Kewangan
: Ketua Unit Kualiti dan Strategi

Setiausaha : Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar

Sekretariat : Bahagian Pentadbiran Kolej Pengajian

4.0 Kuasa Melantik

4.1 Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor

4.2 Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Pengerusi JEKP

5.0 Kekerapan Mesyuarat

12 kali setahun/sekali setiap bulan

6.0 Kourum

Kehadiran minimum mesyuarat adalah $\frac{2}{3}$ daripada ahli

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

A. Eksekutif

1. Memimpin hala tuju strategik dan masa depan Kolej Pengajian untuk kekal relevan dan berkredibiliti.
2. Memacu Kolej Pengajian sebagai pemain utama dalam menghasilkan program akademik yang relevan dan berdaya saing, projek penyelidikan berimpak, dan kolaborasi industri yang memberi kesan kepada pembangunan serta pemindahan ilmu dan kemahiran.
3. Memastikan kemapanan dan ketampakan bidang-bidang akademik Kolej Pengajian.

4. Memastikan kerjasama dan sinergi akademik, penyelidikan, dan jaringan industri kolej yang berpaksikan pembangunan pelajar serta pembentukan graduan holistik dan seimbang.
5. Melaksanakan keputusan dasar (polisi, prosedur, dan garis panduan) yang ditetapkan oleh Universiti.
6. Menetapkan ketentuan untuk penubuhan Kolej/pusat/institut/bahagian/jabatan pengajian dan nomenklatur penggunaan jawatan pengurusan.
7. Menjalankan kuasa yang diluluskan oleh Majlis Eksekutif Universiti.
8. Mengelola dengan bijaksana semua bentuk sumber dan aset (manusia, kos, dan masa) di kolej pengajian termasuk dari aspek pengoptimuman dan risiko.
9. Menilai keberkesanan pelaksanaan strategik dan tadbir urus Kolej Pengajian serta memastikan langkah penambahbaikan berterusan.

B. Akademik

1. Memperakukan cadangan kerjasama sinergi dalam pembangunan akademik antara Kolej dan pusat pengajian.
2. Meneliti perubahan keperluan pasaran kerja terkini secara berkala dan merangka strategi pembangunan dan semakan program akademik di kolej pengajian yang bersesuaian.
3. Mengesyorkan cadangan pembangunan program akademik baharu yang futuristik merentas bidang pengajian dan kurikulum.
4. Mengesyorkan pencalonan Anugerah Ijazah Kehormat, Profesor DiRaja, dan Profesor Emeritus kepada Senat.
5. Mengesyorkan kewujudan Kursi Akademik.

C. Hal Ehwal Pelajar

1. Meluluskan perancangan berkaitan pembangunan dan kepimpinan pelajar Kolej Pengajian yang mengintegrasikan kurikulum dan ilmu akademik.
2. Memastikan perancangan pembangunan dan kepimpinan pelajar Kolej Pengajian berbentuk amalan pendidikan berimpak tinggi yang mengintegrasikan kurikulum, kokurikulum, dan ekstra kurikulum serta melibatkan penyelidikan, jaringan industri, dan hubungan komuniti.
3. Mengesyorkan keperluan kemudahan fasiliti dan kebajikan pelajar kepada Pejabat Penolong Naib Canselor.
4. Mengambil maklum laporan kecemerlangan bukan akademik dan kebolehpasaran graduan untuk dikemukakan kepada Pejabat Naib Canselor dan mengesyorkan langkah penambahbaikan.

D. Penyelidikan dan Inovasi

1. Memacu penyelidikan berimpak berdasarkan keperluan komuniti universiti, masyarakat, dan negara serta inovasi berlandaskan konsep *quadruple helix* (akademia, kerajaan, industri, dan masyarakat).
2. Meluluskan perancangan berkaitan aktiviti penyelidikan dan inovasi Kolej Pengajian yang merentas kluster penyelidikan dan bersifat pelbagai disiplin (*multi, inter, dan trans*).
3. Memastikan laporan penyelidikan dan penarafan dilakukan secara berkala mengikut permintaan universiti.
4. Memastikan hasil penyelidikan yang ditetapkan oleh universiti tercapai.
5. Memastikan pelaksanaan hasil Penerbitan Tahunan Minimum dan prosedur lantikan staf akademik dalam trek penyelidikan adalah mengikut pekeliling semasa TNC (Penyelidikan dan Inovasi).

6. Mengambil maklum laporan aktiviti penyelidikan, perundingan, dan pengkomersilan.
7. Menyokong dan meluluskan permohonan penubuhan kumpulan penyelidikan (RIG) mengikut kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan Polisi Entiti Kecemerlangan (EK) UiTM serta membuat pemakluman penubuhan kepada Pejabat TNC PI.
8. Memperakukan semua permohonan yang berkaitan dengan hal-ehwal penyelidikan.

E. Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni

1. Merancang aktiviti dan hal ehwal jaringan industri, komuniti, alumni, dan keusahawanan yang bersinergi dan memberi kesan kepada peluang latihan dan kebolehpasaran graduan.
2. Memacu aktiviti penajaan pendapatan Kolej Pengajian melalui program-program jaringan industri, komuniti, alumni, dan keusahawanan.
3. Membina hubungan kolej pengajian -industri/alumni/komuniti yang membolehkan pihak berkenaan menyumbang/menubuhkan endowmen (biasiswa, kursi, fasiliti, dan umum).
4. Mengesyorkan jenis perniagaan yang menyumbang kepada kemampuan kolej pengajian dan bersesuaian dengan kepakaran Kolej Pengajian.
5. Mengesyorkan penubuhan alumni Kolej Pengajian kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (ICAN).
6. Merancang dan mengintegrasikan peranan alumni selaras dengan hala tuju strategik kolej.

F. Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

1. Mengesyorkan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus-Perjawatan.

2. Merangka strategi pembangunan dan perkembangan profesional pensyarah Kolej Pengajian secara keseluruhan.
3. Memperakukan cadangan keperluan pensyarah mengikut semester sebelum dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.
4. Melaksanakan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.
5. Menilai pengoptimuman sumber manusia dan membuat penyusunan semula staf secara dalaman.
6. Membuat penilaian keperluan jawatan tukar lantik bagi penyesuaian keperluan di Kolej Pengajian (contoh ada waran jawatan Penolong Pensyarah (DM29) di Kolej Pengajian dan tiada keperluan. Manakala keperluan kritikal jawatan adalah Pegawai Eksekutif boleh membuat cadangan tukar lantik kepada Majlis Sumber Manusia).
7. Mengesyorkan sebarang permohonan pinjaman staf Kolej Pengajian ke agensi luar sebelum dimajukan kepada Majlis Sumber Manusia.
8. Mengesyorkan cadangan pembangunan dan naik taraf Kolej Pengajian.

G. Kewangan

1. Mengesyorkan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus-Peruntukan.
2. Meluluskan perancangan perolehan Kolej Pengajian berdasarkan agihan peruntukan.
3. Memperakukan Laporan Prestasi Belanja Mengurus/Kewangan Kolej Pengajian.
4. Mengoptimumkan kos pengoperasian dan sumber serta menjanakan pendapatan.

5. Mengesyorkan anggaran hasil dan perbelanjaan termasuk anggaran perbelanjaan tambahan Kolej Pengajian.

H. *Legitimacy*

1. Mematuhi Akta Penubuhan Universiti.
2. Menjauhi unsur-unsur rasuah termasuk mengenakan tekanan yang mengandungi unsur-unsur psikologi.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lalu
: Perkara-perkara berbangkit (yang telah selesai)
: Perkara-perkara berbangkit (yang belum selesai)
: Perkara-perkara berbangkit (yang ditangguhkan)

Bahagian B : Hal Ehwal Eksekutif

Bahagian C : Hal Ehwal Akademik

Bahagian D : Hal Ehwal Pelajar

Bahagian E : Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi

Bahagian F : Hal Ehwal Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni

Bahagian G : Hal Ehwal Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian H : Hal Ehwal Kewangan

Bahagian I : Hal-hal Lain

9.0 Format Kertas Kerja/Kertas Cadangan

(menggunakan format di sistem eMesyuarat)

10.0 Dokumen Rujukan

Berdasarkan kepada prosedur dan peraturan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

JAWATANKUASA PELAN PENGGANTIAN PENTADBIR AKADEMIK KOLEJ (JPPPAK)

1.0 Punca Kuasa

- 1.1 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) BIL. 13/2021 pada 14 April 2021 :
Dokumen Tadbir Urus Pengoperasian Kolej Pengajian UiTM

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

- 2.1 Tarikh/Tahun Penubuhan

14 April 2021

- 2.2 Tempoh Lantikan

Lantikan atas nama jawatan dan mengikut tempoh lantikan jawatan

3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Penolong Naib Canselor

Ahli : Semua Dekan
: Ketua Pentadbiran

Setiausaha : Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar

Sekretariat : Bahagian Pentadbiran Kolej Pengajian

4.0 Kuasa Melantik

- 4.1 Pengerusi dilantik oleh Naib Canselor
- 4.2 Ahli dan Setiausaha dilantik oleh Pengerusi JPPPAK

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Mengikut keperluan

6.0 Kuorum

Kehadiran minimum mesyuarat adalah 2/3 daripada ahli

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

Fungsi utama jawatankuasa Pelan Penggantian Pentadbir Akademik Kolej ialah untuk melaksanakan proses mengenalpasti (*Assess*) calon-calon yang berkelayakan, membuat penilaian (*Evaluate*) dan membangunkan (*Develop*) calon-calon Dekan, Ketua Pengajian dan jawatan pentadbir akademik yang berkaitan yang berpotensi termasuk yang bakal meninggalkan universiti. Fungsi dan bidang kuasa jawatankuasa adalah seperti berikut;

- 7.1 Menenalpasti cabaran dan landskap semasa universiti dan ciri-ciri pentadbir akademik yang bersesuaian untuk sesuatu jawatan untuk tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang (penilaian organisasi);
- 7.2 Menenalpasti kompetensi, kemahiran dan pengetahuan institusi yang diperlukan;
- 7.3 Melaksanakan proses pencarian bakat yang berpotensi tinggi berdasarkan kepada Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau pencapaian calon;
- 7.4 Menyenalraikan calon-calon yang berpotensi tinggi serta profil;

- 7.5 Membuat penilaian jurang kompetensi dan kemahiran calon-calon yang disediakan oleh ILD;
- 7.6 Membuat penilaian senarai yang dikemukakan oleh ILD dan senarai pendek (*shortlisting*) calon-calon yang sesuai untuk menyandang jawatan mengikut ranking (*talent pool*);
- 7.7 Mengadakan sesi libatsama (*engagement*) dengan calon-calon;
- 7.8 Mencadangkan latihan yang diperlukan termasuk sangkutan industri (*industrial attachment*);
- 7.9 Melaksanakan analisa strategi pelan penggantian sedia ada; dan
- 7.10 Membangunkan *knowledge transfer strategy* khusus kepada penyandang yang bakal meninggalkan universiti.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lalu
: Perkara-perkara berbangkit

Bahagian B : Dasar Dan Peraturan

Bahagian C : Semakan Senarai Calon dan Mengenalpasti Jurang Menerusi
Leadership Report Card (LRC)

Bahagian D : Pemetaan Latihan dan Keperluan *Atribut* Calon

Bahagian E : Mengenalpasti Calon Untuk Latihan Berimpak Tinggi

Bahagian F : Hal-hal Lain

** Pelan Penggantian Kolej Pengajian (perlu selari dengan Pelan Pengantian Universiti @ ILD)

9.0 Format Kertas Kerja/Kertas Cadangan

(menggunakan format di sistem eMesyuarat)

10.0 Dokumen Rujukan

- 10.1 Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.157 bertarikh 14 Mac 2017 – Tadbir Urus Jawatankuasa Bakat dan Model Kepimpinan
- 10.2 Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. bertarikh Februari 2020 – Model Pelan Penggantian UiTM
- 10.3 Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 28/2020 bertarikh 2 September 2020
- 10.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2006: Panduan Mewujudkan *Search Committee* dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian (*Succession Planning*)
- 10.5 Manual Tadbir Urus 1UiTM: Multisistem – Tadbir Urus Sumber Manusia UiTM
- 10.6 Lain-lain prosedur dan peraturan Universiti yang sedang berkuat kuasa.

TADBIR URUS AKADEMIK

1. Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian (JAKP)
2. Jawatankuasa Akademik Pengajian Pasca Ijazah Kolej Pengajian
3. Jawatankuasa Kurikulum Kolej Pengajian
4. Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran Kolej Pengajian
5. Jawatankuasa Pentaksiran dan Penilaian Akademik Kolej Pengajian
6. Jawatankuasa Pengurusan Jadual Waktu Kuliah
7. Jawatankuasa Pengurusan Penilaian Akademik

JAWATANKUASA AKADEMIK KOLEJ PENGAJIAN (JAKP)

1.0 Punca Kuasa

- i. Seksyen 16A (8) dan (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- ii. Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 28 Tahun 2020
- iii. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-175

2.0 Tarikh Penubuhan

Tahun 2020

3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Penolong Naib Canselor

P.Ganti : Mana-mana Dekan yang dilantik oleh Penolong Naib Canselor

Ahli : Semua Dekan
: Semua Ketua Pengajian
: Profesor/Profesor Madya/Pensyarah Kanan [minimum empat (4) orang dilantik bagi tempoh dua (2) tahun]

Setiausaha : Timbalan Pendaftar Kanan/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar (Akademik) (mana-mana yang tertinggi)

Sekretariat : Pejabat Dekan (Akademik dan Antarabangsa) Kolej Pengajian

4.0 Kuasa Melantik

Pengerusi dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Ahli/Ahli Turut Hadir dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

Setiausaha dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Minimum enam (6) kali setahun.

6.0 Kehadiran Minimum Mesyuarat

Sekurang – kurangnya 2/3 kehadiran ahli (tidak termasuk ahli turut hadir).

7.0 Fungsi & Bidang Kuasa

- a. Am
 - i. Jawatankuasa Akademik Kolej (JAKP) bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik di Kolej Pengajian.
 - ii. Memastikan Garis Panduan dan perkara-perkara yang digariskan dalam Peraturan Akademik sentiasa dipatuhi.
 - iii. Mengawal mutu kecemerlangan akademik UiTM.
- b. Pemantauan Semakan Kawalan Kualiti (MR-CIIQ)
 - i. Memantau pelaksanaan pelan tindakan sistem pengurusan kualiti dan penambahbaikan kualiti berterusan untuk program akademik.

- ii. Mengambil maklum dan melaporkan dapatan jaminan kualiti atau audit kualiti program akademik kepada Senat.
- c. Pembangunan Akademik
 - i. Menimbang dan meluluskan permohonan pemindahan/pengecualian kredit, pencalonan Anugerah Graduan Terbaik Program, dan Kolej Pengajian.
 - ii. Mengemukakan senarai pelajar yang diberikan Gred F bagi kes tatatertib pelajar (akademik) kepada JKIPA.
 - iii. Mengambil maklum dan memajukan kes plagiarisma dan tatatertib pelajar (akademik) ke JKIPA sebelum dibawa ke Senat untuk tujuan pengesahan.
 - iv. Meneliti dapatan laporan penilaian pengajaran (pelajar, rakan sekerja, dan sendiri) dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan berterusan.
- d. Pengambilan Pelajar
 - i. Menguruskan hal berkenaan pengambilan (enrolmen pelajar, promosi program sejajar, unjuran pengambilan pelajar, penetapan syarat kelayakan program, dan membincang isu semasa berkaitan pengambilan).
 - ii. Menetapkan syarat kelayakan program pengajian dan memurnikan syarat kelayakan program tersebut apabila perlu untuk disyorkan kepada JKIKU sebelum disahkan di Senat.
- e. Lantikan Akademia
 - i. Mengenalpasti dan mengusulkan calon-calon ke JLA bagi tujuan kelulusan dan disahkan di peringkat Senat.
 - ii. Mengesahkan lantikan pemeriksa luar dan dalam untuk program pascasiswazah penyelidikan.

f. Hal Ehwal Kurikulum

- i. Meneliti cadangan program baharu, semakan semula program, atau penjumudan program.
- ii. Menguruskan hal ehwal kurikulum Kolej Pengajian.
- iii. Mengesyorkan perkara-perkara berkaitan komponen penilaian sumatif pelajar dalam kurikulum bagi semua peringkat pengajian.

g. Penilaian Akademik

- i. Menguruskan dan mengesahkan keputusan penilaian akademik pelajar bagi semua peringkat pengajian.
- ii. Mengesahkan pemberian Gred F oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar (Akademik) untuk dimajukan kepada JKIPA.
- iii. Pembentangan hal ehwal peperiksaan oleh Kolej Pengajian.
- iv. Meneliti dan memutuskan keputusan ke atas lantikan penyelia dan pemeriksa program pascaijazah.
- v. Membincang isu pencapaian akademik pelajar dan cadangan penambahbaikan berterusan.

h. Rayuan, Cuti Khas, dan Menarik Diri

- i. Meneliti dan membuat keputusan semua kes akademik.
- ii. Meneliti dan memutuskan permohonan status akademik pelajar.

i. Pengurniaan Akademik

- i. Mencadangkan Anugerah Graduan Terbaik kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik.

- ii. Mencadangkan calon Anugerah Penyelidikan Cemerlang (APC), Anugerah Kedoktoran Cemerlang Tuanku Canselor (AKCTC) dan Anugerah Sarjana Cemerlang Tuanku Canselor (ASCTC) kepada JKIPA.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Pemantauan Semakan Kawalan Kualiti (MR-CIIQ)

Bahagian C : Pembangunan Akademik

Bahagian D : Pengambilan Pelajar

Bahagian E : Lantikan Akademia

Bahagian F : Hal Ehwal Kurikulum

Bahagian G : Penilaian Akademik

Bahagian H : Rayuan, Cuti Khas dan Menarik Diri

Bahagian I : Pengurniaan Akademik

Bahagian J : Hal-hal lain

9.0 Format Kertas Kerja Permohonan

- i. Tujuan
- ii. Latar Belakang

- iii. Objektif
- iv. Justifikasi/Rasional
- v. Butiran
- vi. Cadangan
- vii. Implikasi Kewangan (jika berkaitan)
- viii. Penutup/Tindakan

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Peraturan Akademik
- ii. Garis Panduan Dasar Plagiarisme UiTM
- iii. Minit-minit Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti (MPU)/Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik (JKIPA)
- iv. Minit-minit Mesyuarat Majlis Kurikulum Universiti (MKU)/Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU)
- v. Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)
- vi. Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Akademik Fakulti (JKAF)
- vii. Minit-minit Mesyuarat Senat
- viii. Minit-minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
- ix. Pekeliling-Pekeliling Akademik

- x. Manual Pengurusan Peperiksaan Akhir UiTM
- xi. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Kurikulum Peringkat Fakulti
- xii. Minit Mesyuarat JKAPS
- xiii. Garis Panduan Amalan Baik: Pemantauan, Penyemakan Penambahbaikan Berterusan (GGP-MRCIIQ)
- ivx. Garis Panduan Kesetaraan Kualiti Penilaian Pelajar UiTM

JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN PASCA IJAZAH KOLEJ PENGAJIAN

1.0 Punca Kuasa

- i. Seksyen 16A (8) dan (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- ii. Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bertarikh 23 Oktober 2020
- iii. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-175 bertarikh 15 September 2020
- iv. Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 28/2020 bertarikh 02 September 2020

2.0 Tarikh Penubuhan

2 Mac 2021

3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

P/Ganti : Mana-mana Dekan yang dilantik oleh Penolong Naib Canselor

Ahli : Ketua Pengajian Siswazah
: Ketua-Ketua Pengajian
: Minimum tiga (3) Profesor/Profesor Madya yang dilantik bagi tempoh dua (2) tahun

Setiausaha : Ketua Unit HEA/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar (Akademik)

Sekretariat : Pejabat Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

4.0 Kuasa Melantik

Pengerusi : Dilantik oleh Penolong Naib Canselor

Ahli/Ahli Turut Hadir : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

Setiausaha : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Minimum dua (2) kali setahun.

6.0 Kehadiran Minimum Mesyuarat

Sekurang – kurangnya 2/3 kehadiran ahli (termasuk Pengerusi).

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- i. Am
 - a. Bertanggungjawab dalam hal ehwal akademik pasca ijazah Kolej Pengajian.
 - b. Memastikan Peraturan Akademik Pengajian Siswazah sentiasa dipatuhi.
 - c. Memastikan kecemerlangan dan ketinggian mutu akademik sentiasa dikekalkan.

ii. Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

- a. Mengambil maklum dan mengesahkan pemilihan pelajar yang memenuhi syarat kelayakan akademik dan universiti yang ditetapkan.

iii. Kurikulum

- a. Memastikan kurikulum program baharu pasca ijazah memenuhi keperluan semasa.
- b. Mengesyorkan pindaan dan pengemaskinian kurikulum program pasca ijazah.

iv. Pembangunan Akademik dan Penyelidikan

- a. Mengemukakan syor kepada Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian (JAKP) mengenai:
 - Pencalonan Penyelia Utama dan Penyelia Bersama bagi pelajar pasca ijazah penyelidikan.
 - Pencalonan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalaman Tesis pelajar pasca ijazah penyelidikan.
 - Laporan kemajuan penyelidikan pelajar pasca ijazah.
 - Tempoh lanjutan yang difikirkan sesuai apabila pengajian melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan dalam Peraturan Akademik Siswazah.
 - Mengesyorkan pelantikan ahli akademia.
- b. Mengambil maklum bidang penyelidikan pelajar pasca ijazah program penyelidikan.

- c. Membincang dan mengesyorkan hal akademik dan penyelidikan pelajar pasca ijazah.
- v. Pengurusan Akademik Pelajar Pasca Ijazah
 - a. Meneliti dan membuat keputusan terhadap permohonan pelajar pasca ijazah sebelum dimajukan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) seperti:
 - Cuti Khas
 - Menarik Diri
 - Tukar Program
 - Tukar Kampus
 - Tukar Mod Pengajian
 - Rayuan Meneruskan Pengajian
 - Rayuan Pembatalan Gugur Taraf
- vi. Keputusan Penilaian dan Peperiksaan
 - a. Menerima dan meneliti keputusan peperiksaan dan penilaian akademik program kerja kursus.
 - d. Meneliti dan menentukan keputusan Rayuan Semak Semula.
 - e. Meneliti dan menentukan pembetulan keputusan peperiksaan.
 - f. Meneliti dan menentukan pengemaskinian keputusan peperiksaan.
 - g. Mengesyorkan keputusan peperiksaan untuk pengesahan.

- h. Membincang isu pencapaian pelajar pasca ijazah dan cadangan penambahbaikan berterusan.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Bahagian C : Kurikulum

Bahagian D : Pembangunan Akademik dan Penyelidikan

Bahagian E : Pengurusan Akademik Pelajar Pasca Ijazah

Bahagian F : Keputusan Penilaian dan Peperiksaan

Bahagian G : Hal-hal lain

9.0 Format Kertas Kerja Permohonan

- i. Tujuan
- ii. Latar Belakang
- iii. Objektif
- iv. Justifikasi/Rasional

- v. Cadangan
- vi. Implikasi Kewangan (jika berkaitan)
- vii. Penutup/Tindakan

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah.
- ii. Pekeliling-Pekeliling Akademik.
- iii. Minit-Minit Mesyuarat Senat.
- iv. Minit-Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik (JKIPA).
- v. Minit-Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian.

JAWATANKUASA KURIKULUM KOLEJ PENGAJIAN

1.0 Punca Kuasa

- i. Seksyen 16A (8) dan (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- ii. Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bertarikh 23 Oktober 2020
- iii. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-175 bertarikh 15 September 2020
- iv. Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 28/2020 bertarikh 02 September 2020
- v. Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 2007 (Akta 679)

2.0 Tarikh Penubuhan

2 Mac 2021

3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

P/Ganti : Mana-mana Dekan yang dilantik oleh Penolong Naib Canselor

Ahli : Ketua-Ketua Pengajian
 : Ketua Pengajian Pasca Siswazah
 : Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar
 : Ketua-Ketua Bidang

Turut Hadir : Wakil Pusat Kokurikulum Universiti

Setiausaha : Ketua Unit HEA/Penolong Pendaftar Kanan (Akademik)

Sekretariat : Pejabat Dekan (Akademik dan Antarabangsa)

4.0 Kuasa Melantik

Pengerusi : Dilantik oleh Penolong Naib Canselor

Ahli : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

Setiausaha : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Minimum empat (4) kali setahun.

6.0 Kehadiran Minimum Mesyuarat

Sekurang – kurangnya 2/3 kehadiran ahli (termasuk Pengerusi).

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- i. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai:
 - a. Penggerak hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum di peringkat Kolej Pengajian.
 - b. Pemantau pelaksanaan kurikulum di peringkat Kolej Pengajian.

- c. Pelapor pencapaian keberhasilan program kepada Penolong Naib Canselor.
 - d. Melantik jawatankuasa kecil pembangunan/semakan program akademik.
- ii. Perincian proses kerja bagi setiap fungsi di atas adalah seperti berikut:
 - a. Penggerak Kurikulum
 - Menetapkan mekanisme pelaksanaan kurikulum.
 - Membantu pelaksanaan kurikulum terkini.
 - Memastikan hasil pembelajaran mematuhi standard dan keperluan semasa.
 - b. Pemantau Pelaksanaan
 - Menilai kesejajaran antara *Course Outcome* (CO)/*Program Outcome* (PO)/*Learning Outcome* (LO) dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran dan penilaian bagi program yang berkaitan.
 - Memberi nasihat berkaitan penyediaan dan penggunaan dokumen kurikulum.
 - c. Pelapor Pencapaian
 - Pelapor keberhasilan program kepada Penolong Naib Canselor.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Hal Ehwal Kurikulum

Bahagian C : Pemantauan Pelaksanaan

Bahagian D : Pelaporan Pencapaian

Bahagian E : Hal-hal lain

9.0 Format Kertas Kerja Permohonan

- i. Tujuan
- ii. Latar Belakang
- iii. Objektif
- iv. Justifikasi/Rasional
- v. Cadangan
- vi. Implikasi Kewangan (jika berkaitan)
- vii. Penutup/Tindakan

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Petikan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang berkaitan.
- ii. Petikan Minit Mesyuarat Senat yang berkaitan.
- iii. Petikan Minit Jawatankusa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU) yang berkaitan.

- 
- iv. Peraturan Akademik.
 - v. Pekeliling-Pekeliling Akademik.
 - vi. *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*
 - vii. *Standard Programme*
 - viii. Prosedur Semakan Kurikulum
 - ix. Prosedur Penawaran Program Baharu
 - x. *Manual Closing The Loop (CDL) and Continuous Quality Improvement (CQI)*
 - xi. Laporan Pengiktirafan Program IQA

JAWATANKUASA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOLEJ PENGAJIAN

1.0 Punca Kuasa

- i. Seksyen 16A (8) dan (9) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)
- ii. Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bertarikh 23 Oktober 2020
- iii. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-175 bertarikh 15 September 2020
- iv. Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 28/2020 bertarikh 02 September 2020
- v. Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 2007 (Akta 679)

